

29/12/2003

Kemelut MCA berakhir

Kadir Dikoh

TAHUN 2003 adalah antara tahun penuh bersejarah dalam senario politik negara yang menyaksikan perubahan kepemimpinan di Putrajaya selain berlaku pertukaran pemimpin dua parti komponen serta pembatalan pendaftaran Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Sepanjang tahun juga hangat spekulasi mengenai tarikh pilihan raya umum terutama menjelang akhir tahun selain isu pengisian jawatan Timbalan Perdana Menteri selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara rasmi mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Namun, 2003 akan tercatat dalam sejarah negara untuk selama-selamanya sebagai tahun yang memahat nama Abdullah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima. Dr Mahathir mengundur diri selepas menerajui kerajaan selama 22 tahun tiga bulan.

Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) yang bermesyuarat seminggu kemudian sebulat suara mengesahkan Abdullah sebagai pengerusinya. Abdullah turut menerima tampuk kepemimpinan Umno, parti teras BN, dan memangku jawatan presiden sehingga pemilihan parti itu dalam tahun 2004.

Bagi Umno, 2003 juga menyaksikan perubahan kepemimpinan peringkat bahagian apabila Majlis Tertinggi (MT) pada mesyuaratnya 22 November lalu, meluluskan senarai jawatankuasa Penaja Umno bagi 191 bahagian termasuk 26 bahagian baru di seluruh negara dengan menyaksikan lima ketua bahagian digugurkan iaitu empat di Kelantan dan seorang di Pulau Pinang.

Pembubaran jawatankuasa di semua bahagian itu berlaku sekurang-kurangnya lapan tahun sekali iaitu setiap kali persempadanan semula kawasan pilihan raya dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Berikutan itu, timbul kontroversi apabila sesetengah bekas ketua bahagian secara terbuka melahirkan kekecewaan terhadap keputusan itu.

Apabila bab itu kelihatan hampir selesai, soal pemilihan calon untuk bertanding pada pilihan raya umum akan datang kembali hangat dan perkara ini akan berterusan menjelang 2004 - tahun pilihan raya umum.

Perhimpunan agung Umno pada 17 hingga 21 Jun lalu juga menyaksikan kali terakhir Dr Mahathir menyampaikan amanat selaku Presiden Umno yang berakhir dengan penuh keceriaan berbanding perhimpunan agung setahun sebelum itu apabila beliau membuat kejutan mengumumkan persaraannya.

MCA juga mengalami perubahan pucuk pimpinan apabila Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Lim Ah Lek serentak melepaskan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada 23 Mei bagi memberi laluan kepada muka baru.

Jawatan presiden diambilalih Datuk Seri Ong Ka Ting manakala Datuk Chan Kong Choy mengisi kekosongan kerusi timbalan presiden. Kedua-dua mereka sebelum itu adalah naib presiden MCA.

Peletakan jawatan itu sedikit sebanyak berupaya menyelesaikan kemelut krisis dalaman MCA selama 18 bulan yang sebelum itu terbahagi kepada dua kumpulan.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN 13 September lalu pula, menarik balik penggantungan dua Ahli Dewan Undangan (Adun) MCA Pulau Pinang, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi), berkuat kuasa serta-merta.

Kedua-duanya digantung keahlian sejak 16 Disember 2002 selepas mengambil sikap berkecuali ketika BN menolak satu usul pembangkang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 21 November tahun itu.

Isu itu hampir meretakkan hubungan MCA-Gerakan, tetapi usaha kemudiannya dibuat supaya kedua-dua parti terus bekerjasama seperti "abang adik".

Bagaimanapun, keadaan sebaliknya terjadi dalam sebuah lagi parti komponen iaitu PBDS apabila Datuk Amar Leo Moggie melepaskan jawatan presiden pada 25 Jun.

Parti berusia 20 tahun itu dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 5 Disember selepas gagal memberi jawapan memuaskan kepada surat tunjuk sebab yang diberikan oleh ROS.

Krisis dalaman parti itu memuncak apabila Datuk Sri Daniel Tajem dan Datuk Sri Dr James Masing masing-masing mengisytiharkan diri sebagai pengganti Moggie. Kini nasib PBDS terletak pada tangan Menteri Dalam Negeri.

Dalam pada itu, kumpulan yang menyokong Dr Masing sudah mengemukakan permohonan pendaftaran parti baru kepada ROS yang dinamakan Parti Rakyat Sarawak (PRS), yang mereka percaya sebagai alternatif kepada PBDS.

Menjelang 2004, keadaan akan menjadi lebih jelas sama ada PBDS boleh dihidupkan semula atau pendaftaran PRS diluluskan.

Tahun 2003 juga menyaksikan kemasukan parti baru ke dalam BN iaitu Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP) pada 7 Januari lalu, yang ditubuhkan oleh bekas pemimpin Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) yang dibatalkan pendaftarannya oleh ROS pada 5 November 2002.

BN menyambut ulang tahun ke-50 perkongsian kuasa pada 20 September lalu di Stadium Merdeka. Di tempat yang sama pada 11 Mei lalu, Umno menyambut ulang tahun ke-57 yang dihadiri kira-kira 100,000 ahli dari seluruh negara.

Pada 4 Mac lalu, Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman sebagai Ketua Menteri yang baru, menggantikan Datuk Chong Kah Kiat mengikut sistem penggiliran jawatan itu.

Menjelang akhir tahun, isu sistem penggiliran Ketua Menteri semakin hangat diperkatakan selepas Umno Sabah pada mesyuaratnya 9 Disember lalu sudah membuat ketetapan untuk dikemukakan pada mesyuarat BN negeri.

Ketika melawat Sabah 17 November lalu, Abdullah berkata beliau menyerahkan kepada BN negeri itu sama ada meneruskan atau tidak sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang diperkenalkan pada 1994.

Bagi parti pembangkang, Pas secara rasmi diterajui Datuk Seri Abdul Hadi Awang apabila Muktamar Pas ke-49 mengesahkan beliau sebagai presiden.

Hadi memangku jawatan itu sejak Datuk Fadzil Noor meninggal dunia.

Pada 12 November lalu, iaitu selepas dua tahun berdolak-dalik, Pas mengumumkan ciri-ciri negara Islam ala-parti itu menerusi dokumen Negara Islam. Dokumen setebal 53 muka surat itu turut menyatakan hukum Hudud, Qisas dan Takzir hanya akan dikenakan terhadap orang Islam, manakala bukan Islam bebas memilih di antara hukum syariah atau undang-undang sivil.

Pada 3 Ogos, walaupun belum diluluskan ROS, Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) iaitu gabungan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dilancarkan.

Apa pun, tahun 2003 yang menyaksikan pelbagai perubahan dalam politik kepartian akan berlalu dan datanglah 2004 - tahun yang dianggap sebagai tahun yang penuh cabaran kerana ada pilihan raya umum dan pemilihan dalam Umno.

Tempoh kerajaan sekarang akan berakhir 20 Disember 2004 tetapi pilihan raya umum diramal diadakan pada suku pertama 2004 dan kemudian pemilihan dalam Umno.